



POLISI INKLUSIF OKU

EDISI PERTAMA

2025



POLISI INKLUSIF OKU UNISEL

Dikuatkuasakan bermula 31 MEI 2019

Pengenalan

Kerajaan Negeri Selangor merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang mempunyai Majlis Tindakan OKU Negeri (MTOS) yang ditubuhkan sejak 2018. Sebagai sebuah universiti kerajaan negeri di Selangor, UNISEL turut mengiktiraf hak dan keperluan OKU untuk melanjutkan pengajian mereka. Pihak pengurusan UNISEL sangat komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan inklusif terutama kepada warga OKU dan bekeperluan khasnya. Oleh yang demikian, UNISEL sentiasa berusaha dalam kemampuannya untuk menyediakan persekitaran dan kemudahan yang mampu menyokong pelajar kelompok ini untuk bergerak bebas dan berdikari serta dapat menjalani kehidupan yang baik di UNISEL. Penyediaan keperluan meliputi kemudahan, peralatan dan perkhidmatan untuk OKU bukan lagi satu pilihan atau berasaskan kebajikan (charity based), tetapi hal ini merupakan hak mereka yang perlu dipenuhi dan dijaga, seperti yang telah dinikmati pelajar-pelajar upaya. Usaha ini juga bukan sekadar kerja kebajikan (charity work) atau tanggungjawab sosial korporat (CSR) atau kelapangan tenaga kerja. Perkara ini adalah selaras dengan Akta OKU 2008 dan United Nation Convention on The Rights of Persons with Disabilities (UNCRPD) yang menuntut semua institusi pendidikan di negara ini untuk memberikan peluang yang sama rata kepada OKU dan menyediakan kemudahan yang boleh dicapai OKU sepenuhnya. Polisi Inklusif OKU ini bersandarkan paksi inklusif, akses, saksama, fleksibel dan kesetaraan serta akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut kemampuan UNISEL. Pelaksanaan polisi ini akan dipantau oleh Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar dan Jaringan Komuniti) dan Dekan Hal Ehwal Pelajar. Polisi ini juga mendapat kerjasama dan bantuan kepakaran dari Majlis Tindakan OKU Kerajaan Negeri Selangor (MTOS) dan Sekretariat OKU Negeri Selangor.

Pegawai Perhubungan

Satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Mesra OKU telah ditubuhkan dengan bagi menyelaras perkara yang berkaitan dengan polisi dan fasilitasi OKU dan bekeperluan khas. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk membantu UNISEL merangka dan melaksanakan polisi inklusif OKU universiti. Jawatankuasa khas ini dipengerusikan oleh Naib Canselor UNISEL.

Tugas pelaksanaan polisi diurus menerusi Unit Kaunseling dan Latihan, Bahagian Pembangunan Pelajar dan Jaringan Komuniti (HEP). Unit ini dibantu oleh wakil-wakil fakulti yang diketuai oleh Timbalan-Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar dan Sumber.

Pegawai perhubungan bagi hal ehwal polisi inklusif berkaitan OKU adalah Ketua Unit Kaunseling. Tugas pegawai perhubungan ini adalah seperti berikut:

1. Bertanggungjawab sebagai pengumpul data dan profil pelajar dalam kategori OKU (pemegang kad OKU JKM).
2. Menjadi penghubung dalam perkongsian maklumat dan kesedaran berkenaan siswa OKU.
3. Melaksanakan ujian dan program ‘intervensi’ bagi mengenal pasti siswa bekeperluan khas dan bekeperluan berlainan.
4. Mengurus bantuan dan fasilitasi kepada pelajar kategori OKU dan bekeperluan khas.
5. Menguruskan kemudahan dan perkhidmatan sokongan termasuk akademik bagi pelajar OKU di UNISEL.

Polisi

1. Unit Kaunseling dan Latihan bertanggungjawab dalam menyelaraskan sistem sokongan dan aktiviti untuk pelajar OKU.
2. Para pelaksana juga perlu menghadiri kursus khas Disability Equality Training (DET) yang dilaksanakan secara dalaman kepada semua pihak berkepentingan.
3. Pelajar OKU yang merupakan pemegang kad OKU yang sah perlu berdaftar dengan Unit Kaunseling dan Latihan supaya hak dan keperluan mereka dapat diurus dan diselia dengan lancar dan berkesan.
4. Pelajar yang bukan dalam kalangan pemegang kad kategori OKU namun dikenal pasti mempunyai cabaran keperluan khas selepas melalui ujian-ujian berkaitan akan dibantu secara holistik oleh HEP dan Fakulti.
5. Semua pelajar OKU UNISEL berhak untuk mendapatkan kemudahan yang bersesuaian bagi menjalani kehidupan di kampus dengan baik seperti pelajar lain. Penyediaan kemudahan untuk pelajar OKU perlu berorientasikan kecacatan, keperluan berlainan dan isu ketidakupayaan yang dihadapi oleh mereka. Pihak penyedia kemudahan perlu melakukan penyesuaian munasabah bagi memenuhi keperluan seorang pelajar OKU.
6. Pelajar dalam kategori ini diberi bantuan ke arah pembelajaran yang lebih teradun. Ia dimulakan dengan memasukkan nota peringatan berkaitan keperluan khas dalam setiap pelan pengajaran yang berkaitan.
7. Penyesuaian yang munasabah bagi membantu kumpulan OKU terutama dalam aspek penilaian kursus. Ia boleh dilaksanakan tertakluk dengan capaian hasil pembelajaran yang ditetapkan
8. Semua kakitangan akademik perlu memberi kerjasama dan sokongan sebaik mungkin kepada pelajar OKU semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.
9. Pelajar OKU berhak mendapat kemudahan peralatan dan perkhidmatan yang bersesuaian semasa menduduki ujian/peperiksaan.
10. Pelajar OKU layak mendapat sebarang anugerah akademik mengikut terma yang ditetapkan oleh peraturan akademik menerusi program HEP.
11. Keber tanggungjawaban Polisi adalah tanggungjawab semua warga UNISEL dalam membantu pelaksanaan polisi ini.
12. UNISEL akan berusaha dalam kemampuan yang ada bagi memastikan setiap perancangan pembangunan dan prasarana di dalam kampus adalah berdasarkan

konsep rekabentuk yang bersesuaian sebagaimana termaktub dalam Akta OKU 2008 dan United Nation Convention on The Rights of Persons with Disabilities (UNCRPD).